

PENGENALAN

Universiti Teknologi Malaysia telah mengambil Skim Takaful Keluarga Berkelompok bagi pelajar mulai sesi 1996/97 yang diuruskan oleh Syarikat Takaful Malaysia bagi menggantikan Skim Insuran Takaful Kemalangan Diri Berlompok yang digunakan sebelum ini.

Melalui skim ini setiap pelajar dicarumkan sebanyak RM 10.00 bagi setiap sesi pengajian. Ia akan diperbaharui apabila tempoh perlindungan tamat setiap sesi sehingga pelajar menamatkan pengajian di Universiti Teknologi Malaysia.

TUJUAN SKIM

Skim Insuran ini adalah bertujuan :-

- Untuk memastikan kebajikan pelajar diutamakan.
- Untuk memudahkan urusan Universiti dengan pihak-pihak luar (berhubung latihan praktikal / industri yang dijalankan oleh pelajar).
- Untuk melancarkan program / aktiviti pelajar.

KEMUDAHAN SKIM

Semua pelajar berdaftar di Universiti Teknologi Malaysia/waris pelajar adalah berhak untuk membuat tuntutan sekiranya berlaku perkara seperti berikut :-

- Kematian Akibat Kemalangan**
 - ◆ Bayaran pampasan RM 15,000.00
- Keilatan Kekal Akibat Kemalangan**
 - ◆ Bayaran pampasan RM 8,000.00 (maksima)
- Kematian Biasa**
 - ◆ Bayaran pampasan RM7,000.00
- Manfaat Wad Hospital**
 - ◆ RM25.00 sehari (maksima 40 hari)
- Belanja Pengkebumian**
 - ◆ Bayaran tanggungan RM500.00
- Keilatan Kekal Seluruh Tubuh Badan**
 - ◆ Bayaran pampasan RM7,000.00 (maksima)



TUNTUTAN YANG TIDAK DIBAYAR

Skim ini tidak akan membayar tuntutan sekiranya berlaku perkara-perkara seperti berikut :

- Peperangan @ rusuhan @ tindakan musuh luar @ rampasan kuasa atau perkara-perkara seumpamanya.
- Peralatan senjata nuklear, jangkitan radioaktif atau sinaran mengion.
- Penyalahgunaan dadah @ minuman keras @ mabuk
- Percubaan bunuh diri @ kecederaan diri yang disengajakan samada semasa siuman @ tidak
- Penyertaan atau latihan yang merbahaya @ latihan jenis sukan atau pertandingan yang merbahaya @ menunggang atau memandu dalam apa jua jenis perlumbaan atau pertandingan yang merbahaya.
- Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS) atau seumpamanya.
- Jangkitan sakit kelamin atau parasit
- Kelahiran bayi, penguguran, hamil atau apa-apa kesulitan yang timbul daripadanya
- Kerosakan mental
- Pemeriksaan kesihatan biasa, pemulihan atau penjagaan rehat atau seumpamanya.
- Pembedahan plastik
- Pemeriksaan atau pembedahan gigi kecuali diperlukan akibat kecederaan kemalangan.

PROSEDUR TUNTUTAN SKIM

Sekiranya berlaku kemalangan melibatkan kematian/keilatan kekal, salinan dokumen yang perlu dikemukakan ke Pejabat Hal Ehwal Pelajar adalah seperti berikut :-

❑ Kes Kematian

- ◆ Sijil kematian
- ◆ Permit menguburkan
- ◆ Salinan kad pengenalan/sijil kelahiran
- ◆ Laporan polis
(*sekiranya melibatkan kes kemalangan*)

❑ Kes Bukan Kematian

- ◆ Laporan polis
- ◆ Laporan perubatan/post mortem
- ◆ Gambar (sekiranya berkaitan)
- ◆ Salinan kad pengenalan/sijil kelahiran
- ◆ Salinan bil hospital/discharge note

TANGGUNGJAWAB PELAJAR / WARIS

Pelajar yang ditimpa kemalangan adalah bertanggungjawab untuk membuat laporan ke Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kadar segera atau melalui waris pelajar supaya tuntutan di bawah skim ini dapat diuruskan dengan pihak insuran.

Bagi kes kematian pelajar, dokumen-dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan oleh waris pelajar sebaik sahaja menerimanya.

Untuk maklumat lanjut,
sila hubungi :

Penolong Pendaftar
(Kebajikan & Tata tertib)
Pejabat Hal Ehwal Pelajar,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310, UTM Skudai,
Johor

Tel : 07-5530513/5530682

Fax : 07-5579385



* Dikemaskini pada 12 Oktober 2005



SKIM INSURAN TAKAFUL KELUARGA BERKELOMPOK PELAJAR



UNIT PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR